

DATE: 26 / 10 / 2007



DR. MAHATHIR menjalani aktiviti harian ditemani ahli fisioterapi di rumahnya.

## Dr. M mulakan aktiviti harian di rumah

UM - 26/10/2007

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah mula melakukan aktiviti seharian seperti menonton televisyen dan membaca buku selain menjalani latihan fisioterapi.

Anak sulung beliau, Datin Paduka Marina dalam blognya, [www.rantingsbyimm.blogspot.com](http://www.rantingsbyimm.blogspot.com) memberitahu, bapanya yang keluar dari Institut Jantung Negara (IJN) Ahad lalu juga mampu berjalan dengan agak pantas.

"Pagi ini beliau berjalan keluar dari bilik, dengan penuh yakin, kelihatan segar selepas mandi dan bersedia untuk bersarapan," katanya.

Dr. Mahathir kemudiannya turun ke tingkat bawah ditemani pakar fisioterapi, tanpa berselipar kerana ia lebih selesa bagi bekas Perdana Menteri itu.

Menurut Marina, bapanya juga tidak menghadapi masalah apabila terpaksa menuruni tangga dari tingkat atas rumah, bagi melayani seorang saudaranya yang datang melawat.

"Kesemua perkembangan ini disebabkan beliau telah berada di rumah dan dikelilingi suasananya sendiri, mulai berselera untuk makan dan melakukan latihan fisioterapi bersama pakarnya," jelas beliau.

Semalam, Dr. Mahathir juga berjalan sejauh 400 meter dan ia merupakan satu perkembangan yang amat baik berbanding semasa berada di IJN sebelum ini.

"Selernya sangat bagus. Semalam beliau memakan nasi beriani dan pagi ini tosay," katanya.

Walaupun begitu, kehadiran pelawat masih lagi dihadkan kerana tidak mahu meletihkan bekas Perdana Menteri itu.

Dr. Mahathir yang dimasukkan ke IJN pada 2 September lalu, dibenarkan keluar setelah menjalani pembedahan pintasan jantung dan dirawat selama tujuh minggu di institut perubatan itu.